



SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	26/4/2019	MUKA SURAT	:	72
JABATAN	:	UMUM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



KEVC lokasi pendidikan gajah kepada orang ramai.

DEKATI JIWA GAJAH

KEVC tempat didik pengunjung lebih menyayangi hidupan liar

Hafiz Ithnin

hafizithnin@mediaprima.com.my

Jika anda bertandang ke Tasik Kenyir, jangan sesekali terlepas pandang untuk singgah sebentar di Perkampungan Pemuliharaan Gajah Kenyir (KEVC). Kedudukannya yang begitu dekat dengan Jeti Pengkalan Gawi, Kuala Berang, Terengganu sememangnya strategik untuk dilawati.

Mungkin terdapat persepsi melihat aktiviti haiwan liar itu hanya sesuai untuk kanak-kanak. Bagaimanapun ia sebenarnya turut sesuai dilawati semua peringkat usia untuk mengenai gajah dengan lebih dekat.

Buktinya, sejak dibuka pada 2012, KEVC mampu menarik sekitar 1,500 pengunjung sebulan untuk meneroka dan mengenali gajah liar yang sudah dijinakkan penjaga masing-masing.

Lebih menarik KEVC dibangunkan di dalam kawasan hutan berkeluasan 256 hektar dan hanya 10 peratus digunakan untuk aktiviti pemuliharaan gajah liar yang ditangkap Jabatan Perhilitan kerana cedera atau mempunyai konflik dengan manusia.

Pengurus KEVC, Muhamad Zaki Mamat berkata, setakat ini terdapat 18 ekor gajah di kawasan pemuliharaan itu yang berasal dari Terengganu dan di dalam spesies gajah Asia.

Beliau berkata, KEVC dibangunkan bukan untuk menjadikan gajah yang menghuni tempat itu sebagai penghibur tetapi ia lebih kepada mendidik jiwa pengunjung untuk lebih memahami dan menyayangi hidupan liar berkenaan.

“Di sini pengunjung boleh memahami sifat gajah dengan lebih dekat kerana kami mempunyai

kakitangan yang sentiasa bersedia untuk berkongsi maklumat ketika mereka menerokai kawasan ini.

“Kita tidak ingin menjadikan lokasi ini seperti tempat berhibur semata-mata tetapi ingin memfokuskan berkenaan kepentingan memulihara haiwan liar ini dan menjadikan orang ramai lebih peka kepada alam semula jadi,” katanya.

Sebenarnya, apa yang dikatakan Muhamad Zaki itu ada benarnya kerana ketika sesi pertunjukan aksi haiwan berkenaan, kakitangan yang memegang mikrofon bercerita kepada pengunjung berkenaan kisah gajah yang terbabit dalam persembahan itu.

Misalnya, seekor anak gajah yang terbabit dalam sesi persembahan itu melakonkan semula aksinya cuba mengejutkan ibunya yang mati akibat diracun manusia dan ‘si pelakon’ gajah dewasa yang

memegang watak ibu itu pula bijak tidak berganjak apabila disentuh anak gajah berkenaan.

Mendengar kisah daripada si pencerita dan aksi lakonan semula gajah itu membuatkan ramai penonton tersentuh hati. Apatah lagi cerita itu adalah kisah sebenar yang berlaku pada si anak gajah berkenaan.

Menerokai KEVC sememangnya menyeronokkan kerana di sini, pengunjung bukan sahaja dapat berjalan di atas jambatan gantung sepanjang kira-kira 600 meter malah berpeluang melihat sendiri aksi gajah dimandikan oleh penjaganya di sungai dengan lebih dekat.

Pengunjung juga dapat memegang sendiri dan sama-sama ‘memandikan’ gajah berkenaan. Kadangkala, gajah itu sengaja menyemburkan air daripada belalainya untuk mengusik pengunjung.